

PELAKSANAAN PENGECUALIAN TATACARA PEROLEHAN BAGI DANA PENYELIDIKAN

A. PEMBELIAN TERUS MELALUI INVOIS TANPA PESANAN RASMI (PR) BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN BERNILAI HINGGA RM5,000.00 DENGAN KELULUSAN PEGAWAI YANG DITURUNKAN KUASA		
1.	Perkara	Pembelian Terus melalui Invois Tanpa Pesanan Rasmi.
2.	Had amaun diluluskan	Pembelian bernilai hingga RM5,000.00 bagi setiap tuntutan.
3.	Item yang dibenarkan	Bekalan atau perkhidmatan penyelidikan. (Perolehan kerja adalah tertakluk kepada peraturan perolehan yang berkuatkuasa)
4.	Syarat-syarat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peruntukan telah diluluskan dan hendaklah mengikut vot yang dibenarkan berdasarkan kepada Garis Panduan Dana Projek Penyelidikan yang berkuatkuasa. 2. Item digunakan khusus untuk penyelidikan. 3. Aset hendaklah dibeli mengikut tempoh yang dibenarkan sebagaimana Garis Panduan Dana Projek Penyelidikan yang berkuatkuasa. 4. Tempoh jaminan aset perlulah sekurang-kurangnya setahun. 5. Perolehan tidak dipecah kecil untuk mengelak kaedah perolehan tertentu. 6. Syarikat yang dipilih mestilah berdaftar secara sah. 7. Mengemukakan sekurang-kurangnya tiga (3) kajian pasaran melainkan dibuktikan lantikan sebagai agen / pembekal tunggal bagi nilai melebihi RM500.00 8. Mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan contohnya Jawatankuasa Perolehan ICT (JPICT) UKM bagi alat/bahan ICT sebagaimana dinyatakan di Garis Panduan yang berkuatkuasa. 9. Perolehan adalah bersifat one-off dan bukan merupakan perolehan bermasa (Perolehan bermasa merupakan perolehan yang tempoh bekalan/ perkhidmatan melebihi 4 bulan)

A. PEMBELIAN TERUS MELALUI INVOIS TANPA PESANAN RASMI (PR) BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN BERNILAI HINGGA RM5,000.00 DENGAN KELULUSAN PEGAWAI YANG DITURUNKAN KUASA		
		<p>10. Perolehan yang dibenarkan menggunakan kaedah ini adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Perolehan benar-benar tidak boleh dilaksana melalui Pesanan Rasmi; atau b. Terdapat justifikasi yang kukuh menyebabkan Pesanan Rasmi tidak boleh dikeluarkan. <p>11. Bukti sekurang-kurangnya tiga(3) kajian pasaran, nota hantaran, invois serta dokumen sokongan lain daripada pembekal perlu dihantar ke Bahagian Bayaran Jabatan Bendahari untuk urusan proses bayaran.</p> <p>12. Bayaran dibuat terus kepada pembekal, BUKAN kepada penyelidik.</p> <p>13. Kaedah secara tuntutan balik kepada penyelidik adalah TIDAK dibenarkan melalui kaedah ini.</p> <p>14. Pendahuluan adalah TIDAK dibenarkan bagi kaedah ini.</p>
5.	Proses	<p>1. Kenalpasti syarikat yang boleh memberikan bekalan/perkhidmatan melalui sekurang-kurangnya tiga (3) kajian pasaran bagi pembelian melebihi RM500.00.</p> <p>2. Pastikan bekalan/perkhidmatan telah diterima dengan sempurna.</p> <p>3. Urus bayaran melalui penyediaan Daftar Bil dan dokumen sokongan berkaitan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) bukti sekurang-kurangnya tiga (3) kajian pasaran oleh PTJ; b) Nota hantaran; c) Invois; serta d) dokumen sokongan lain yang berkaitan . <p>4. Bayaran kepada pembekal hendaklah disahkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Ketua Projek; atau b) Dekan/ Pengarah/ Ketua Pusat/ Ketua Jabatan/ Ketua Pentadbiran sekiranya tuntutan dibuat oleh Ketua Projek.

A. PEMBELIAN TERUS MELALUI INVOIS TANPA PESANAN RASMI (PR) BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN BERNILAI HINGGA RM5,000.00 DENGAN KELULUSAN PEGAWAI YANG DITURUNKAN KUASA								
		<p>5. Bayaran akan diurus oleh Jabatan Bendahari setelah menerima dokumen yang lengkap.</p> <p>6. Sebarang pembelian yang melibatkan aset/ inventori hendaklah dimaklumkan melalui e-mel ke Bahagian Aset (unitaset@ukm.edu.my) untuk tujuan pendaftaran aset.</p>						
6.	Kuasa Melulus	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Nilai Perolehan</th> <th>Pihak Berkuasa Melulus (PBM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>a) Perolehan bernilai hingga RM5,000.00</td> <td>Pegawai yang diberi kuasa melulus bayaran</td> </tr> <tr> <td>b) Perolehan bernilai melebihi RM5,000.00</td> <td>Tertakluk kepada tatacara perolehan yang berkuatkuasa</td> </tr> </tbody> </table>	Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)	a) Perolehan bernilai hingga RM5,000.00	Pegawai yang diberi kuasa melulus bayaran	b) Perolehan bernilai melebihi RM5,000.00	Tertakluk kepada tatacara perolehan yang berkuatkuasa
Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)							
a) Perolehan bernilai hingga RM5,000.00	Pegawai yang diberi kuasa melulus bayaran							
b) Perolehan bernilai melebihi RM5,000.00	Tertakluk kepada tatacara perolehan yang berkuatkuasa							

B. RUNDINGAN TERUS BAGI PEROLEHAN BERNILAI MELEBIHI RM50,000.00 HINGGA RM5 JUTA MELALUI PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM) UNIVERSITI		
1.	Perkara	Perolehan secara Rundingan Terus yang diluluskan melalui PBM UKM.
2.	Had amaun dilulus	Perolehan bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM5 juta.
3.	Item yang dibenarkan	Bekalan atau perkhidmatan atau kerja yang berkaitan penyelidikan .
4.	Syarat-syarat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peruntukan telah diluluskan dan hendaklah mengikut vot yang dibenarkan berdasarkan kepada Garis Panduan Dana Projek Penyelidikan yang berkuatkuasa. 2. Item digunakan khusus untuk penyelidikan. 3. Aset hendaklah dibeli mengikut tempoh yang dibenarkan sebagaimana Garis Panduan Dana Projek Penyelidikan yang berkuatkuasa. 4. Tempoh jaminan aset perlulah sekurang-kurangnya setahun. 5. Perolehan tidak dipecah kecil untuk mengelak kaedah perolehan tertentu. 6. Syarikat yang dipilih mestilah berdaftar secara sah. 7. Memenuhi salah satu syarat untuk lantikan rundingan terus seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Kesegeraan atas kepentingan awam; b) Bagi maksud penyeragaman; c) Satu punca bekalan / perkhidmatan (Pembuat / Pemegang Francais); d) Melibatkan keselamatan / strategik; e) Kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera ; f) Terdapat agen di Malaysia, tetapi: <ol style="list-style-type: none"> i) Harga yang ditawarkan melebihi 30% daripada harga principal; atau ii) Melebihi peruntukan yang diberikan oleh pemberi dana;

B. RUNDINGAN TERUS BAGI PEROLEHAN BERNILAI MELEBIHI RM50,000.00 HINGGA RM5 JUTA MELALUI PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM) UNIVERSITI		
		<p>g) Tiada agen di Malaysia yang dilantik oleh principal;</p> <p>h) Kolaborasi penyelidikan bersama rakan strategik; (sila rujuk Nota 1)</p> <p>i) Lantikan atau pelaksanaan skop oleh pemberi dana. (sila rujuk Nota 2)</p> <p>8. Mengemukakan surat pengesahan daripada prinsipal bagi pembuktian tiada lantikan agen di Malaysia atau sebagai agen/pembekal Tunggal.</p> <p>9. Mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan contohnya Jawatankuasa Perolehan ICT (JPIC) UKM bagi alat/bahan ICT sebagaimana dinyatakan di Garis Panduan yang berkuatkuasa.</p>
5.	Proses	<ol style="list-style-type: none"> 1. Urus perolehan sebagaimana tatacara perolehan rundingan terus yang berkuatkuasa. 2. Lengkapkan permohonan bagi Rundingan Terus. 3. Hantar permohonan ke Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari. 4. Permohonan disemak dan diurus oleh Bahagian Perolehan Jabatan Bendahari untuk kelulusan PBM. 5. Lantikan syarikat dilaksana oleh Bahagian Perolehan Jabatan Bendahari 6. Syarikat laksanakan pembekalan/ perkhidmatan. 7. Urusan bayaran setelah bekalan/perkhidmatan sempurna.

B. RUNDINGAN TERUS BAGI PEROLEHAN BERNILAI MELEBIHI RM50,000.00 HINGGA RM5 JUTA MELALUI PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM) UNIVERSITI												
6.	Kuasa Melulus	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Nilai Perolehan</th> <th>Pihak Berkuasa Melulus (PBM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>a) Perolehan bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM200,000.00</td> <td>Jawatankuasa Sebut Harga</td> </tr> <tr> <td>b) Perolehan melebihi RM500,000.00 hingga RM5 juta</td> <td>Jawatankuasa Perolehan Tender</td> </tr> <tr> <td>c) Perolehan bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00</td> <td>Lembaga Pengarah Universiti</td> </tr> <tr> <td>d) Perolehan bernilai melebihi RM5 juta</td> <td>Kementerian Kewangan Malaysia</td> </tr> </tbody> </table>	Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)	a) Perolehan bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM200,000.00	Jawatankuasa Sebut Harga	b) Perolehan melebihi RM500,000.00 hingga RM5 juta	Jawatankuasa Perolehan Tender	c) Perolehan bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00	Lembaga Pengarah Universiti	d) Perolehan bernilai melebihi RM5 juta	Kementerian Kewangan Malaysia
		Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)									
		a) Perolehan bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM200,000.00	Jawatankuasa Sebut Harga									
		b) Perolehan melebihi RM500,000.00 hingga RM5 juta	Jawatankuasa Perolehan Tender									
		c) Perolehan bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00	Lembaga Pengarah Universiti									
d) Perolehan bernilai melebihi RM5 juta	Kementerian Kewangan Malaysia											

Nota:

1. Kolaborasi penyelidikan bersama rakan strategik:
 - a) Pada kebiasaannya, Universiti akan bekerjasama dengan pakar-pakar daripada luar sama ada melalui agensi kerajaan, syarikat tempatan atau luar negara sebagai rakan strategik di dalam melaksanakan sesuatu projek penyelidikan.
 - b) Kerjasama awal dalam bentuk perkongsian idea, konsep dan kertas cadangan telah dilaksana sebelum proses permohonan bagi pembiayaan dana diuruskan.
 - c) Semasa proses permohonan berjalan juga rakan strategik ini bersama-sama dengan Universiti menyediakan dokumentasi untuk pembiayaan dana dan hadir untuk membuat pembentangan.
 - d) Atas justifikasi ini, pelantikan rakan strategik perlu diurus secara rundingan terus melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani bersama Universiti atau lain-lain kertas cadangan yang diluluskan oleh pembiaya dana.

2. Lantikan atau pelaksanaan skop oleh pemberi dana:

Pemberi dana telah menyatakan di dalam dokumen perjanjian atau lain-lain dokumen bahawa syarikat atau skop tertentu bagi pelaksanaan pembekalan / perkhidmatan / kerja.

C. PENGECUALIAN KEUTAMAAN PELAWAAN DALAM KALANGAN SYARIKAT BUMIPUTERA BAGI PEROLEHAN BERNILAI MELEBIHI RM50,000.00 HINGGA RM100,000.00 DENGAN MEMBENARKAN PELAWAAN KEPADA SEMUA PEMBEKAL DIMANA SYARIKAT BUMIPUTERA DIBERI PERATUS KEUTAMAAN HARGA (MARGIN OF PREFERENCE-MOP) SEBANYAK 10%		
1.	Perkara	Membenarkan pelawaan kepada semua pembekal dimana syarikat Bumiputera diberi peratus keutamaan harga (Margin of Preference-MOP) sebanyak 10% bagi perolehan bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM100,000.00.
2.	Had amaun diluluskan	Perolehan bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM100,000.00.
3.	Item yang dibenarkan	Bekalan atau perkhidmatan atau kerja yang berkaitan penyelidikan.
4.	Syarat-syarat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peruntukan telah diluluskan dan hendaklah mengikut vot yang dibenarkan berdasarkan kepada Garis Panduan Dana Projek Penyelidikan yang berkuatkuasa. 2. Diguna khusus untuk penyelidikan. 3. Aset hendaklah dibeli mengikut tempoh dibenarkan sebagaimana Garis Panduan Dana Projek Penyelidikan yang berkuatkuasa. 4. Tempoh jaminan aset perlu sekurang-kurangnya setahun 5. Syarikat yang dipilih berdaftar dengan MOF/CIDB tertakluk kepada had perolehan yang berkuatkuasa bagi yang berkaitan. 6. Mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan contohnya JPICIT bagi alat/bahan ICT sebagaimana dinyatakan di Garis Panduan yang dikuatkuasakan. 7. Kaedah Perolehan dilaksana mengikut tatacara perolehan secara Sebut Harga yang berkuatkuasa.
5.	Proses	<ol style="list-style-type: none"> 1. Urus perolehan secara Sebut Harga, seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Penyediaan spesifikasi oleh Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi/Teknikal;

<p>C. PENGECUALIAN KEUTAMAAN PELAWAAN DALAM KALANGAN SYARIKAT BUMIPUTERA BAGI PEROLEHAN BERNILAI MELEBIHI RM50,000.00 HINGGA RM100,000.00 DENGAN MEMBENARKAN PELAWAAN KEPADA SEMUA PEMBEKAL DIMANA SYARIKAT BUMIPUTERA DIBERI PERATUS KEUTAMAAN HARGA (MARGIN OF PREFERENCE-MOP) SEBANYAK 10%</p>						
		<ul style="list-style-type: none"> b) Pengesahan spesifikasi mengikut keperluan; c) Pelawaan terbuka kepada syarikat yang berdaftar dibawah kod bidang berkaitan tanpa mengira status Bumiputera atau Bukan Bumiputera; d) Penilaian dilaksana oleh Jawatankuasa Penilaian bagi semua tawaran yang diterima; e) Cadangan tawaran mengambilkira peratus keutamaan harga; f) Kelulusan PBM diurus oleh Bahagian Perolehan Jabatan Bendahari; g) Lantikan syarikat dilaksanakan oleh Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari. <p>2. Syarikat laksanakan pembekalan/perkhidmatan.</p> <p>3. Urusan bayaran setelah bekalan/perkhidmatan sempurna.</p>				
6.	Kuasa Melulus	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Nilai Perolehan</th> <th>Pihak Berkuasa Melulus (PBM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perolehan bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM100,000.00</td> <td>Jawatankuasa Sebut Harga</td> </tr> </tbody> </table>	Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)	Perolehan bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM100,000.00	Jawatankuasa Sebut Harga
Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)					
Perolehan bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM100,000.00	Jawatankuasa Sebut Harga					